

19 NOV 1997

Mahathir-sokongan

CUEPACS BERI SOKONGAN PENUH KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini menyatakan pendirian menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presidennya Mohamad Mat Jid berkata sokongan turut diberikan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Cuepacs yang bersidang hari ini mengambil ketetapan menyokong Dr Mahathir untuk terus menerajui negara ini dalam menghadapi krisis kewangan dan mengutuk sebarang tindakan memburuk-burukkan beliau.

"Cuepacs mengutuk sekeras-kerasnya tindakan 34 orang anggota kongres Amerika Syarikat (AS) yang ingin mengemukakan resolusi supaya Dr Mahathir meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata Cuepacs yang mewakili sektor awam berpendirian rakyat negara ini mempunyai hak menentukan kepimpinan negara dan pihak-pihak luar tidak perlu menunjuk ajar dan mencampuri urusan dalaman negara ini.

Beliau berkata Cuepacs juga menyeru supaya rakyat dan pemimpin AS memahami hasrat dan inspirasi rakyat Malaysia dalam perkara tersebut.

Mohamad berkata resolusi yang dicapai oleh Cuepacs itu akan dihantar ke kedutaan AS di sini dan salinannya kepada Senator AS, Robert Wexler yang membuat usul itu.

Sementara itu Kongres Cendekiawan Melayu (KCM) dalam satu kenyataan berkata mereka berdiri teguh di belakang Dr Mahathir dan bersama-sama rakyat memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri.

Setiausaha KCM, Prof Datuk Wan Hashim Wan Teh berkata draf resolusi anggota Kongres AS itu tidak menghormati proses demokrasi dan perundangan di Malaysia kerana Dr Mahathir dilantik ke jawatan Presiden UMNO melalui perhimpunan agung parti, dan melalui pilihan raya umum memenangi kerusi Parlimen, yang melayakkan beliau menduduki kerusi Perdana Menteri.

Presiden Majlis Kerjasama Belia ASEAN (CAYC), Mustaffa Kamil Ayub dalam kenyataannya pula berkata CAYC kesal dengan penggunaan Akta Sekatan Iran-Libya ke atas Petronas berikutan penglibatan syarikat itu dalam industri gas di Iran.

Akta itu tidak seharusnya memaksa mana-mana negara lain mengikut kehendak AS, kata beliau.

Katanya, CAYC berharap hubungan yang baik akan dapat segera diwujudkan antara Malaysia dan Amerika Syarikat dengan menyelesaikan kekusutan yang ada sekarang. --BERNAMA

WNZ RI